

‘Malaysia perlukan calon terbaik’

Dr Adham akui bakat dan kemahiran tepat perlu dalam pemulihan penularan Covid-19

KUALA LUMPUR

Malaysia memerlukan bakat yang tepat bagi tujuan pemulihan pandemik Covid-19 dan industri serta menerapkan strategi baharu dalam penggunaan teknologi baharu untuk terus berdaya saing dengan rantaian global.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 45 peratus pekerja berkemahiran tinggi supaya mampu bersaing dengan negara terkemuka di dunia.

“Negara menghadapi kebimbangan ketara berikutnya kekurangan pekerja berkemahiran tinggi untuk memenuhi permintaan industri terutama dalam teknologi baharu dan teknologi baru muncul.

“Adalah penting bagi teknologis, juruteknik, saintis dan penyelidik untuk menjadi *key players* dalam pembangunan tenaga dan kepakaran bagi meningkatkan kemahiran, produktiviti dan daya saing negara melalui sains dan teknologi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada webinar Lembaga Teknologis Malaysia bertajuk ‘Accelerating Nation’s High Skilled Talent’ pada Jumaat bertujuan menekankan



DR ADHAM

**MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

kepentingan meningkatkan bakat berkemahiran tinggi dalam negara.

Dr Adham turut melahirkan komitmen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memperjuangkan kemajuan ekonomi inovasi kerana sains, teknologi dan inovasi tidak bermakna tanpa sumbangan kepada sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata, sehingga suku kedua 2021, laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan industri negara kini didominasi oleh 62.2 peratus pekerja separa mahir, 24.7 peratus pekerja mahir dan 13.1 peratus pekerja berkemahiran rendah. - Bernama

Muka surat 6